



SIARAN MEDIA

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS ZON 1 DAN ZON 9, MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Seramai dua orang Ahli Majlis yang baharu telah dilantik bagi penggal 2024-2025 berkuatkuasa 8 April 2024 sehingga 31 Disember 2025. Mereka ialah Tuan Megat Mohd Fadhli bin Zakaria (PKR) bagi Zon 1 manakala Tuan Haji Muhammad Najmi bin Samsudin (DAP) bagi Zon 9.

Majlis angkat sumpah dan lafaz ikrar ini diadakan di hadapan YBRs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS.

Tuan Megat Mohd Fadhli bin Zakaria diberi tanggungjawab sebagai Ahli Majlis Zon 1 yang melibatkan kawasan Kg. Simpang Tiga, Kg. Sg. Chinchin, Kg. Gombak Utara, Kg. Orang Asli, Gombak Utara, Kg. Sg. Salak, Kg. Sg. Pusu, Desa Gemilang, Taman Bukit Lela, Taman Mutiara Gombak, Taman Permai Jaya, Kg. Bt. 11, 12, 13 Gombak, Universiti Islam Antarabangsa dan Villa Bestari. Tuan Haji Muhammad Najmi bin Samsudin pula diberi tanggungjawab sebagai Ahli Majlis Zon 9 yang melibatkan kawasan Sunway Batu Caves, Dolomite, Kawasan Industri Batu Caves, Centrepont Batu Caves, Kg. Gombak Indah dan Taman Industri Bolton.

Untuk makluman, pelantikan pada hari ini telah melengkapkan kesemua 24 orang Ahli Majlis MPS bagi tahun 2024. Mereka akan menganggotai Jawatankuasa Kemasyarakatan, Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat dan Jawatankuasa Pengindahan Bandar berkuat kuasa Mei 2024.

MPS berharap Ahli Majlis yang baru dilantik ini dapat memberikan khidmat bakti, komitmen dengan penuh dedikasi dalam menjalankan tugas kepada komuniti di kawasan zon masing-masing.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Timbalan Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang
25 April 2024